



Percutian seribu ketenangan

Resort Muzium Kuala Lumpur

→ Pengalaman menginap di resort mewah jadi tarikan baharu pelancong di Desaru

Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@nstp.com.my

Kemudahan

- 208 bilik dan suite tetamu
- 9 pilihan bilik untuk keluarga
- Pelbagai aktiviti air disediakan seperti jet ski dan bot pisang
- Disediakan kolam persendirian

Meluangkan masa bercuti di Desaru, Johor pasti menjadi antara perkara yang tercatat memori manis kerana kawasan berkenaan menyediakan keindahan pantai dengan tiupan bayu menyamankan.

Tidak cukup sehari dua, setiap pelancong yang ingin ke sini perlu meluangkan masa yang lebih supaya dapat merasa kepuasannya.

Tetapi, di mana agaknya lokasi penginapan yang menarik untuk diinap pelancong yang melangkah ke Desaru ini.

Jika dicari di dalam talian, pasti banyak penginapan yang disenaraikan, namun terdapat satu penginapan yang terbaharu yang pastinya menjadi tarikan buat pelancong yang bercuti di sini.

Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa, umpamanya, bakal menjadi dunia santai yang memberi seribu ketenangan buat mereka yang datang ke sini.

Mereka yang melancong ke Johor dan mencari pengalaman resort pasti mencapai hasrat mereka dengan pembukaan resort terbaharu ini.

Bilik mewah

Dengan persekitarannya yang cukup indah dan gaya mewah, resort bandar ini dijangka menjadi destinasi perjalanan wajib dalam negara.

Terletak di sepanjang pantai Desaru, dengan menawarkan 208 bilik

dan suite tetamu yang direka secara elegan.

Kemudahannya juga berkelas dunia antaranya seperti hidangan menjamu selera yang mewah, bilik mewah, kafe bertema, spa yang menyegarkan, kelab buat kanak-kanak, kemudahan acara dan mesyuarat, serta dewan besar yang boleh menampung sehingga 600 orang.

Pengerusi Kumpulan Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa, Datuk Edward Lau, berkata ketika membangunkan resort berkenaan, pihaknya sentiasa memikirkan fokus mereka memberikan tetamu pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

"Kita di tempat yang jauh dari hiruk-pikuk kehidupan bandar. Lokasi kami yang strategi kini juga antara tarikan penguji dekat dan jauh, memandangkan lapangan terbang juga tidak jauh dengan lokasi ini.

"Dengan pembukaan resort ini, saya yakin kita akan menjadi destinasi pelancongan seterusnya yang menjadi pilihan di selatan Semenanjung," katanya.

Elemen kontemporari

Resort ini mengambil kira semua elemen kontemporari dari segi seni binanya, penggunaan ciri-ciri kayu, batu-bata, malah kehijauan dan pencahayaan semula jadi matahari menjadikan ia sangat istimewa.

Lebih 60 peratus bilik hotel dan suite di sini menghadap kepada pemandangan pantai selain ada yang dilengkapi dengan kolam persendirian selain ruang tamu yang mewah

Tetamu juga mempunyai sembilan pilihan bilik atau suite mengikut kesesuaian keluarga mereka.

Jangan lupa 'menyerahkan' wajah, kaki dan badan anda di spa yang menawarkan terapi urutan spa, skrab badan, rawatan wajah dan terapi urutan kaki yang pastinya akan menenangkan sesiapa sahaja yang datang ke sini.

Jika lapar, resort ini juga mempunyai empat restoran yang menawarkan pelbagai jenis hidangan masakan Cina, Thai, Jepun dan tempatan yang mana suasana ketika menikmati juadah amat menarik dengan ada yang menghadap kolam renang.

Malah ada yang mempunyai jakuzi dan yang pastinya suasana pantai Desaru memberi lebih keenakan saat menjamu selera.

Bertemakan tropika

Fasiliti lain yang disediakan adalah dewan besar dengan skrin LED yang boleh menampung 600 tetamu dalam satu masa. Namun, ia boleh ditukar menjadi dewan 'outdoor' dengan ruang lebih besar sehingga boleh memuatkan sehingga 1,000 tetamu.

Selain itu, kolam renang bertemakan tropika juga dilengkapi gimnasium di tengahnya.

Bagi menghabiskan masa yang ada, jangan lupa mencuba pelbagai aktiviti air seperti jet ski, bot pisang (banana boat), kanu dan memancing. Juga aktiviti 'indoor' serta 'outdoor' turut disediakan selain lawatan yang boleh dibuat di sekitar Desaru



Pengalaman indah menginap di Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa bagaikan berada di 'surga' dunia

Kita di tempat yang jauh dari hiruk-pikuk kehidupan bandar

Edward Lau,

Pengerusi Kumpulan Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa